

1,000 premis bangunan tiada FC

Meliputi bangunan milik kerajaan, hotel, industri dan perniagaan

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenal pasti kira-kira 1,000 premis bangunan di seluruh Malaysia tidak mempunyai sijil perakuan bomba (FC).

Ini termasuk bangunan milik kerajaan, hotel, industri dan perniagaan yang tertakluk di bawah Akta 341 Akta Perkhidmatan Bomba (APB) 1988.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, Datuk Soiman Jahid berkata, semua pemilik premis berkenaan telah diberikan notis supaya memo-



Solman Jahid (tengah) bergambar bersama peserta selepas merasmikan Seminar Pengurusan Risiko Kebakaran di Kuala Terengganu semalam.

hon FC dengan segera demi keselamatan penghuni.

"Pihak kami telah menghantar notis kedua selepas notis pertama tidak dipatuhi sebelum

membawa kes tersebut ke mahkamah untuk tindakan undang-undang sekiranya masih tiada respons daripada pemilik premis terbabit.

"Premis yang belum dapat sijil bomba ini disebabkan beberapa faktor antaranya masalah teknikal, pemasangan dan penyerahan pelan," katanya kepada

pemberita selepas merasmikan Seminar Pengurusan Risiko Kebakaran di sini semalam.

Soiman berkata, melalui seminar dan program seumpama itu, pihaknya menjangkakan semua premis yang ditetapkan di seluruh Malaysia mempunyai FC pada 2020 atau awal 2021.

"Kita boleh puji premis industri risiko tinggi di Terengganu seperti penapisan minyak dan gas kerana patuh sebab dilindungi insurans. Jadi, premis industri di sini berfungsi dan berada dalam keadaan baik," katanya.

FC ialah sijil yang dikeluarkan kepada premis yang dikategorikan sebagai premis ditetapkan (designated premise) berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan semua premis ditetapkan perlu mempunyai FC yang dikeluarkan oleh JBPM antaranya hospital, hotel, pejabat dan bangunan mengikut ketinggian serta keluasan tertentu.